

14/04/1997

Rafidah tidak mahu dibabit isu akaun

PORT DICKSON, Ahad - Bekas Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata beliau tidak harus dibabitkan dalam penyiasatan akaun pergerakan itu seperti diarahkan oleh Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Sambil mengalu-alukan keputusan Majlis Tertinggi (MT) semalam supaya diadakan segera siasatan terhadap akaun Wanita, beliau bagaimanapun menegaskan ia tiada kaitan dengan kepemimpinan pergerakan itu sebelum ini.

"Penyiasatan ini wajar diadakan supaya diketahui keadaan sebenarnya yang berlaku. Ingin saya jelaskan di sini, ia tidak membabitkan pengurusan kewangan pentadbiran lama.

"Tetapi ia membabitkan kedudukan kewangan Wanita Umno selepas pucuk pimpinan baru mengambil alih pergerakan itu," katanya kepada pemberita pada Hari Keluarga Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno semalam, Umno akan menyiasat akaun kewangan pergerakan Wanitanya di bawah kepemimpinan lalu.

Siasatan yang akan diketuai Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin itu berikutan aduan mengenai akaun Wanita Umno.

Selain itu, Ketua Wanita Umno sekarang, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman mahu mengetahui kedudukan Yayasan Dermajaya Wanita Umno yang ditubuhkan pada 1973.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, siasatan itu harus dibuat segera dan berharap MT mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab, demi kepentingan dan imej parti serta Wanita.

Beliau berkata, kepemimpinan baru Wanita sepatutnya segera mengambil alih kewangan pergerakan itu dengan menamakan pemegang amanah baru tetapi ia tidak dilakukan, menyebabkan keadaan kewangan terapung-apung.

Menurutnya, Jumaat lalu beliau diberitahu ada wang Wanita dikeluarkan kepada pihak yang dikatakan tiada kaitan dengan pergerakan itu.

"Saya sendiri tidak mengetahui tujuan sebenar wang itu dikeluarkan. Malah saya sendiri terkejut akaun berkenaan sudah ditutup. Atas arahan siapa saya tidak tahu kerana saya tidak menjadi ketua dan tidak mempunyai kuasa berbuat demikian.

"Tetapi saya difahamkan cek itu ditandatangani setiausaha dan bendahari kerana selama ini pun mereka yang berkuasa menandatangani," katanya.

(END)